



PROGRAM OHIO 0003084/90

**ISU DALAM PILIHANRAYA 90-AN**

# **Israel Atau Palestin?**

Oleh  
**GHAZALI ISMAIL**

**PENERBIT  
PERDANA PRODUCTION HOUSE SDN BHD**

**ISBN: 983-879-001-X**

ISBN: 983-879-001-X

Cetakan Pertama Ogos 1990

Hakcipta Perdana Production House Sdn. Bhd.

Penerbit: Perdana Production House Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit. Rundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

m  
320.9595  
GHA

Diaturhuruf oleh:

Perdana Production House Sdn. Bhd.

Rekabentuk kulit:

Perdana Production House Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks:

Helvetica Medium/Bold

Dicetak oleh:

Syarikat Prema,

Lot 9, Jalan 51A/243, Petaling Jaya

Harga: 549768

\$2.90

21 JAN. 1991

Perpustakaan Negara  
Malaysia

# **KANDUNGAN**

---

|  |    |
|--|----|
| ● SEMANGAT '46 PRO ISRAEL?                   | 1  |
| ● SOALAN-SOALAN KU LI<br>PADA KIT SIANG      | 8  |
| ● BUKTI-BUKTI KERJASAMA<br>DAP DENGAN ISRAEL | 12 |
| ● PALESTIN DIZALIMI,<br>DAP MEMBISU          | 21 |
| ● DOSA PALING BESAR                          | 28 |
| ● MENOLONG DAP, BERERTI<br>MEMUSUHI PALESTIN | 33 |
| ● MAHU ISRAEL<br>ATAU PALESTIN               | 37 |



# **SEMANGAT '46 PRO ISRAEL?**

**B**ila rakyat Malaysia membuang undi dalam pilihanraya umum akan datang, apa yang akan mereka pilih ialah sama ada mahu sebuah Malaysia yang pro-Israel atau Malaysia yang pro-Palestin.

Inilah sahaja dua pilihan yang dihadapkan mereka, dan ini lah isu yang sebenarnya dalam pilihanraya umum nanti. Rakyat mesti bersikap bijak kerana apa jua keputusan yang dibuat kelak mempunyai implikasi yang amat besar dalam mencorakkan negara Malaysia yang akan datang.

Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sudah nyata atas isu ini. Semenjak zaman Perika-

tan lagi, kerajaan sudah memperlihatkan kegigihan menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk membebaskan diri daripada 'penjajahan' Yahudi dan seterusnya menubuhkan negara mereka sendiri, negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Semenjak Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad memegang tumpuk pemerintahan, sudah dua kali pemimpin PLO, Yasser Arafat, mengunjungi tanahair kita sebagai tetamu negara.

Ini menunjukkan betapa *solidnya* sokongan Malaysia, khasnya kerajaan Barisan Nasional, menyokong dan mendukung cita-cita rakyat Palestin. Tetapi apakah sikap dan pendirian yang sama akan diperjuangkan terus seandainya tersurat bukan Barisan Nasional yang memimpin kerajaan nanti? Inilah yang harus dikaji sedalam-dalamnya oleh para pengundi, terutama bangsa Melayu, bila membuang undi dalam pilihanraya umum kelak ataupun dalam sebarang pilihanraya kecil yang mungkin diadakan sebelum berlangsung pilihanraya umum.

Mengapakah saya mengatakan bahawa isu dalam pilihanraya umum nanti ialah antara soal pro-Israel dan pro-Palestin? Kalau Barisan Nasional merupakan tenaga yang pro-Palestin, siapakah pula tenaga yang pro-Israel? Apakah yang dimaksudkan itu Parti PAS? Atau Semangat 46? Atau DAP? Atau ketiga-tiganya sekaligus.

Tentu ada yang mengatakan tidak mungkin PAS akan terlibat dengan satu dasar luar yang pro-Israel. Tentunya ada juga pihak yang mengatakan tidak mungkin Semangat 46 akan menjalankan satu dasar yang pro-Israel

jika berkuasa kelak. Dalam dunia ini tidak ada sesuatu yang tidak mungkin dan tidak ada sesuatu juga yang dikatakan mungkin. Mungkin atau tidak mungkin bergantung kepada waktu dan keadaan.

Lima belas tahun dahulu sewaktu Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan dalam Kerajaan Barisan Nasional, ada orang mengatakan tidak mungkin Tengku Li boleh memuji-muji PAS, apalagi mahu bersekongkol dengan pemimpin-pemimpin PAS. Tetapi pada hari ini Tengku Li tidak kering gusi memuji dan menyanjung pemimpin-pemimpin PAS, insan-insan yang pada suatu masa dulu disindir, dikecam dan dikutuk sewaktu hendak menumbangkan Kerajaan PAS di Kelantan.

Ini menunjukkan sesuatu yang tidak diduga dan dikatakan tidak mungkin lima belas tahun dulu, hari ini menjadi sesuatu yang bukan 'tidak mungkin' lagi. Tidak mungkin boleh menjadi mungkin dan sebaliknya pula apa yang mungkin akan menjadi tidak mungkin. Semuanya bergantung kepada waktu dan keadaan. Berubah keadaan maka berubahlah sikap, berubah waktu akan berubahlah peganan.

Sepuluh tahun dulu orang mengatakan adalah sesuatu yang mustahil Lim Kit Siang boleh menjadi saudara seperjuangan kepada Tengku Li. Tetapi hari ini Tengku Li dan Lim Kit Siang tidak penat-penat dan tidak bosan-bosan bergambar di khalayak ramai berpegang-pegang tangan ibarat pengantin baru turun pelamin.



Pemimpin PLO, Yasser Arafat sedang berucap dalam satu rapat umum mengalu-alukan lawatannya di Stadium Negara. Kelihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammed. Datuk Lee Kim Sai dan lain-lain pemimpin komponen BN turut hadir. Mereka sama-sama komited menyokong perjuangan Palestin bersama UMNO.

*Kanak-kanak yang tidak berdosa paling ramai jadi mangsa ganas Israel.*





*SIMON Peres, pemimpin sosialis Israel. Ada hubungan dengan DAP...?*

*Palestin memerlukan pembelaan atau sekurang-kurangnya sokongan moral dari rakyat negara ini. Jika Semangat 46 dan DAP memerintah, apa lagi daya kita untuk menyokong mereka...*



## **SOALAN-SOALAN KU LI PADA KIT SIANG**

**I** ni satu lagi bukti bahawa sesuatu yang mustahil pada satu ketika dahulu akan menjadi tidak mustahil pada satu ketika yang lain. Tengku Li dan Lim Kit Siang bukan setakat mahu berpegang tangan, malahan seolah-olah sudah bersedia untuk sehidup semati mahu menumbangkan kerajaan Barisan Nasional yang pro-Palestin dan mendirikan kerajaan yang pendiriannya terhadap Palestin menjadi satu tanda soal yang amat besar.

Saya ingin syorkan kepada Tengku Li supaya bertanya kepada Lim Kit Siang tentang Palestin, dan dengarlah apa jawapannya. Sesudah dengar jawapan pemimpin DAP itu, umumkanlah kepada pengikut-pengikutnya yang

setia supaya bangsa Melayu yang membuntutnya mahupun yang tidak membuntutnya benar-benar jelas dengan pendirian dan sikap DAP terhadap isu Palestin.

Dua kali Yasser Arafat berkunjung ke Malaysia, tidak sesaat pun wajah Lim Kit Siang atau sesiapa jua gembung DAP berada di sekitar pemimpin PLO itu. Pada hal Yasser Arafat datang sebagai tetamu negara, dan Lim Kit Siang pula adalah ketua pembangkang rasmi yang dibayar gaji oleh negara. Jika di Britain atau di mana jua negara demokrasi, bila seseorang pembesar asing dijemput sebagai tetamu rasmi, kedua-dua ketua kerajaan dan ketua pembangkang mesti menyambut sama-sama. Malangnya Lim Kit Siang menghilang, entah ke mana dia bersembunyi. Saya ingin bertanya kepadanya:

Apakah *you* tidak berani mendekati Yasser Arafat? Bukankah Yasser Arafat pemimpin satu kaum yang tertindas dan teraniaya? Bukankah dia seorang pemimpin dari-pada satu kaum di mana '*human rights*' kaum itu diancam, diugut dan disamun? Di manakah letaknya pertimbangan *you* tentang *human rights*? *You* bising-bising menyuarakan soal *human rights*, tetapi *human rights* kaum Palestin digugat *you* buat tak tahu!

Apakah bangsa Palestin satu bangsa yang tidak perlu dianugerahkan *human rights*? Maka itu kalau *human rights*nya dirampas dan digugat, pejuang-pejuang *human rights* seperti *you* tidak merasa berkewajipan untuk melindunginya?

Tengku Razaleigh perlu tanya Lim Kit Siang apakah

sikapnya terhadap soal *human rights* rakyat Palestin? Kemudian umumkanlah kepada pengikut-pengikut Tengku akan jawapan rakan seperjuangannya itu. Bangsa Melayu mahu tahu. Jika Tengku Li tidak mahu tanya *comradenya* itu, bererti Tengku Li sebagai pemimpin sebuah parti politik Melayu yang mendakwa mahu menjaga kepentingan bangsa Melayu sudah bersubahat dengan DAP dalam soal Palestin.

Sekurang-kurangnya Sulaiman Palestin, seorang lagi jaguh Semangat 46 yang mengaku sudah berjuang lama untuk bangsa Melayu semenjak zaman sebelum merdeka, harus ikut bertanya kepada Lim Kit Siang dan DAP mengenai sikap mereka terhadap Palestin. Sulaiman Palestin adalah sebaik-baik orang yang patut menjalankan tugas itu kerana tanpa 'Palestin', nama Sulaiman Palestin tidak lengkap. Secara tidak langsung Sulaiman Palestin terhutang budi kepada rakyat dan negara Palestin. Kerana dia sahaja orang Melayu yang menikmati hak istimewa menggunakan nama Palestin pada namanya.

Kalaulah DAP tersurat menjadi parti yang memerintah bersama-sama Semangat 46 dan terus mengamalkan dasar pro-Israel, lebih baiklah Sulaiman Palestin tukar sahaja namanya kepada nama lain. Misalnya, tukar kepada 'Sulaiman Israel' jika parti Semangat 46-nya sudah mahu sehidup semati dengan parti yang pro-Israel.

Boleh jadi '*comrade-comrade*' dalam DAP berat untuk bersetuju menjadikan Sulaiman Palestin sebagai 'Menteri Luar' kalau namanya masih kekal 'Sulaiman Palestin'.

*Genggaman tangan yang mempunyai niat berbeza-beza...*



# **BUKTI-BUKTI KERJASAMA DAP DENGAN ISRAEL**

**K**enapakah saya kaitkan DAP dengan Israel, dan kenapakah saya percaya sebuah Kerajaan Pusat yang disertai atau dipimpin oleh DAP akan mengikut satu dasar yang pro-Israel?

Tengku Li cubalah tanya Lim Kit Siang atau Lee Lam Thye: "Pernahkah anda berdua bersua dengan tokoh-tokoh Israel?" Bersua dengan gembung-gembung Israel tidak perlu berkunjung ke Jerusalem. Pertemuan boleh berlaku di mana-mana. Di London, atau di Frankfurt, Bonn, Berlin, Oslo, Stockholm, Copenhagen, Tokyo, Rome atau di mana jua. Tanyalah Tengku Li,... tanyalah kawan-kawan baru mu itu! Dengar jawapan mereka baik-baik.

Cubalah tanya pemimpin-pemimpin DAP itu (tidak semestinya Lim Kit Siang atau Lee Lam Thye): Pernahkah kamu berjumpa di mana-mana pemimpin-pemimpin Parti Buruh Israel, misalnya Shimon Perez? Kalau bukan Shimon Perez, pernahkah berjumpa Yitzhak Rabin?

DAP pernah menjadi anggota sebuah pertubuhan antarabangsa yang juga dianggotai oleh Parti Buruh Israel, parti yang dianggotai oleh kedua-dua pemimpin Israel itu. Dan kedua-duanya, Shimon Perez dan Yitzhak Rabin pernah pula menjadi Perdana Menteri Israel. Kali terakhir Shimon Perez menjadi PM Israel ialah kira-kira tiga tahun yang lalu.

*Sosialist International* menyatupadukan semua parti-parti politik dari seluruh dunia yang berlandaskan ideologi '*democratic socialism*'. Di antara anggota-anggotanya se-lain daripada DAP dan Parti Buruh Israel ialah PAP (Singapura), Parti Buruh Britain, Parti Sosial Demokrat Jerman Barat, Parti Demokratik Sosialis Jepun, Parti Buruh Australia dan banyak lagi parti-parti buruh yang lain.

Matlamat *Socialist International* ialah untuk membangun sebuah dunia yang berfahaman '*democratic socialism*', di mana rakyat hidup tanpa sebarang penindasan, menikmati peluang yang sama, kemewahan dan kemakmuran bersama, keadilan yang saksama, tetapi mendukung prinsip-prinsip demokrasi berparlimen.

*Socialist International* mengadakan perhimpunan dari semasa ke semasa, merapatkan hubungan setiakawan antara parti-parti yang menjadi anggota, saling berşua dan

bertukar fikiran antara tokoh-tokoh dalam pertubuhan itu dan menggalakkan pemimpin-pemimpin dari sebuah parti saling kunjung mengunjungi, saling lawat melawati satu sama lain. Menjadi kewajipan sebuah parti membantu parti seperjuangannya yang lain dalam mencapai matlamat politiknya di negara masing-masing.

Sewaktu saya berada dalam PAP Singapura, saya berpeluang menjadi tetamu tiga buah parti anggota. Dalam tahun 1964, saya dan Perdana Menteri Lee Kuan Yew berkunjung ke ibupejabat **Parti Buruh Australia** di Sydney. Bila bertemu, masing-masing membincangkan masalah dalam memperjuangkan *democratic socialism* dan bagaimana satu pihak dapat membantu pihak yang lain.

Pada tahun yang sama, saya dan seorang lagi tokoh PAP dijemput oleh Parti Demokratik Sosialis Jepun melawat negara itu selama seminggu. Lawatan itu memberi peluang kepada kita mengetahui lebih jelas kedudukan dan kekuatan parti Demokratik Sosialis Jepun sama ada di Parlimen atau di luar Parlimen, dan membincangkan apa jua kerjasama yang boleh dicapai antara kedua parti untuk menjayakan *democratic socialism* di negara masing-masing.

Pada tahun 1970, saya menjadi tetamu Parti Sosial Demokrat Jerman Barat. Saya mendapat peluang melihat kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh parti tersebut di Jerman. Antaranya dibawa melihat ibupejabat akhbar harian yang diterbitkan oleh parti itu di Berlin dan projek-projek lain yang diusahakan oleh parti Jerman Barat itu.

Di sini menunjukkan betapa menjadi kewajipan dan amalan parti-parti anggota untuk jemput menjemput rakan-rakan seperjuangan ke negara masing-masing. Saya mendapat tahu Parti Buruh Israel pun pernah juga menjemput ahli-ahli PAP berkunjung ke negara itu dengan tujuan yang sama, untuk mempererat hubungan dan kerjasama antara sesama anggota.

Dalam hubungan ini, sudah kenalah pada tempatnya untuk Tengku Li berbisik-bisik ke telinga Lim Kit Siang atau Lee Lam Thye: "**Pernahkah Parti Buruh Israel menjemput ahli-ahli DAP ke Israel?**"

Kalaularah PAP pernah dijemput, dan kalau orang-orang Singapura pernah juga menjakkan kaki ke bumi Israel, adalah mustahil jika DAP tidak pernah diundang?

Cubalah Tengku Li bertanya kepada *comrade* Lim dan *Comrade* Lee Lam Thye: "**Pernahkah you menerima undangan yang demikian? Pernahkah you menjakkan kaki ke bumi Israel?**" Tidak ada salahnya untuk bertanya. Dengarlah jawapan mereka.

Lim Kit Siang adalah seorang yang berterus terang. Dia tidak pernah bercakap bohong sejauh yang saya tahu. Dia pernah bekerja dalam Kementerian Kebudayaan Singapura dalam tahun-tahun enam puluhan. Boleh dikatakan dia bekerja di bawah saya. Waktu itu saya menjadi Setiausaha Perhubungan Politik Kementerian berkenaan. Dia pula adalah seorang reporter dalam Press Section, sebuah jabatan kecil dalam Kementerian itu. Saya kenal dia dan

**saya tahu dia.** Yang demikian eloklah tanya dia. Bangsa Melayu, terutama pengikut-pengikut Tengku Li , tentunya mahu tahu apakah ada ahli-ahli DAP yang berkunjung ke Israel?

Shimon Perez pernah menjadi PM Israel. Dia boleh menjemput sesiapa jua datang ke Israel secara senyap-senyap. Saya sendiri pernah masuk ke Berlin Timur (waktu itu sudah ada tembok yang memisahkan Berlin Barat dengan Berlin Timur) tanpa pakai pasport. Ada kelonggarannya dan ada lubangnya. Kemasukan saya ke Berlin Timur daripada Berlin Barat diatur oleh orang-orang Sosial Demokrat Jerman Barat. Kebetulan pula yang menjadi Datuk Bandar Berlin Barat ketika itu ialah pengurus Sosial Demokrat. Maka itu, mudahlah diaturkan kemasukan secara senyap-senyap itu.

Kalau Parti Buruh Israel adalah parti yang memerintah, bukan sesuatu yang sukar untuk mengaturkan lawatan sesiapa jua ke Israel tanpa dicap pasportnya.

*Segala-galanya telah terbukti. Mereka seperti sanggup bersekongkol dengan siapa saja asal nafsu dapat dipenuhi.*

**IPF  
DAP**



*Ustaz, maafkanlah saya. Bantulah kami...*

*Jangan bimbang, asal Mahathir tumbang, apa saja boleh dipersetujui... mungkin itu yang dibisikkan oleh 'Comrade Ku Li pada 'Comrade' Chen.*





*Yang penting Mahathir ditewaskan. Apa nak jadi pada bangsa dan agama, kira kemudian ....Bukan mustahil itu yang pernah terlintas di fikiran Ku Li.*

## **PALESTIN DIZALIMI, DAP MEMBISU**

**H**ubungan Parti Buruh Israel dengan PAP Singapura sememangnya erat. Lawatan-lawatan ke Israel tidak terbatas pada kedudukan PAP yang menjadi parti seperjuangan dalam *Socialist International*. Lawatan-lawatan diperingkat bawahan berlaku juga untuk mempererat antara rakyat dengan rakyat. Kerajaan Singapura tidak pernah merahsiakan hakikat bahawa angkatan tentera Singapura yang awal adalah dilatih oleh pegawai-pegawai Israel. PAP tidak pernah merahsiakan hakikat itu kerana ianya tidak perlu dirahsiakan. Singapura berhak memohon bantuan dan kerjasama daripada semua negara.

Singapura mengamalkan dasar luar negera yang bebas dan berkecuali. Kepada Singapura, Israel dan nega-

ra-negara Arab adalah sahabatnya. Sebab itulah sudah ada Kedutaan Besar Israel di Singapura sebaik-baik sahaja Singapura berpisah daripada Malaysia dan menjadi sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat. Sebab itulah Presiden Israel pernah diundang ke Singapura sebagai tamu negara.

Tetapi kepada orang-orang Melayu di Malaysia, Israel adalah musuh selagi Israel menjadi musuh juga kepada bangsa-bangsa Arab, terutama sekali Palestin.

Bangsa Melayu sehidup semati dengan bangsa Palestin. Perjuangan rakyat Palestin adalah perjuangan bangsa Melayu juga. Kerana itu maka apa yang boleh diterima oleh rakyat Singapura tidak dapat diterima oleh rakyat Malaysia. Bangsa Melayu jijik dengan nama Israel itu. Apalagi bila melihat betapa orang-orang Palestin, termasuk kanak-kanak dan kaum wanitanya yang lemah itu, dipukul, didera dan ditembak oleh tentera Israel hampir setiap hari.

Kanak-kanak Palestin, yang setengahnya baru berumur 12 tahun, ditembak dengan peluru hidup sedangkan kanak-kanak itu hanya menggunakan batu-batu kecil melempar kepada tentera-tentera Yahudi yang ganas itu. Bilangan kanak-kanak Palestin yang kena tembak sudah tidak terhitung lagi. Mereka menjadi mangsa satu kuasa penjajah bentuk baru, yang menggugat hak asasi mereka.

Malangnya suara-suara yang lantang, terutama sekali daripada DAP, Aliran dan lain-lain yang mendakwa menjadi pejuang *human rights* melayani penindasan ke atas orang-orang Palestin ini dengan sikap membuta seribu

mata dan membisu seribu bahasa. Seolah-olah mereka tidak nampak betapa *human rights* orang-orang Palestin, diperkosa dan sebagainya.

Kepada orang-orang DAP, Aliran dan lain-lain, orang-orang Palestin seolah-olah bukan insan yang berhak menikmati *human rights*. Sebab itulah mereka seolah-olah buta terhadap keganasan yang dilakukan oleh tentera Israel ke atas penduduk-penduduk Palestin yang hanya menuntut haknya yang sah itu.

Kenapa DAP berdiam seribu bahasa? Kenapa DAP enggan bersuara, walau membisik sekalipun, untuk memberitahu Israel supaya mereka menghentikan kekejaman terhadap hak asasi orang-orang Palestin itu?

Apakah DAP segan dengan Shimon Perez? Apakah DAP tidak mahu menyinggung perasaan Parti Buruh Israel yang sama-sama menjadi anggota dalam *Socialist International*?

Inilah parti politik yang sangat dibimbangi dan patut dibimbangi seandainya tersurat ianya menjadi parti yang memerintah kelak. Sementara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berteriak nyaring menyuarakan sokongan lantang kepada pejuang-pejuang Palestin dan mengutuk kekejaman Israel, DAP membisu terus, tidak sepatah jua meluahkan kata sokongan kepada perjuangan Palestin.

Apakah dasar DAP terhadap Palestin? Inilah yang kita harus tahu. Inilah yang pengikut-pengikut Semangat 46 perlu tahu. Inilah juga yang gembung-gembung PAS, ter-

utama Haji Fadzil Noor, patut cungkil daripada rakan-rakan barunya dalam DAP itu. Apakah dasar DAP terhadap perjuangan Palestin yang sebenar?

**Apakah Lim Kit Siang bersedia akan meneruskan perjuangan menyokong Palestin seandalnya DAP memerintah?**

Tengku Li tanyalah Lim Kit Siang. Awak sudah semakin dekat dengan dia. Jangan malu-malu kalau berangan-angan mahu menjadi pemimpin bangsa Melayu. Jangan takut untuk menyinggung perasaan kawan dan lawan bila berhadapan dengan isu dasar, isu yang mutlak. Pemimpin yang takut untuk menyinggung perasaan orang lain dalam soal prinsip bukan pemimpin namanya. Pemimpin 'pokak', kata orang-orang Singapura.

Saya bukan mahu menjadi tukang cucuk. Tetapi bukankah soal Palestin adalah soal besar kepada bangsa Melayu? Sudah menjadi kewajipan Tengku Li menghilangkan keraguan pengikut-pengikutnya dalam soal Palestin ini. Janganlah hanya tahu mencapaikata sepakat menghentam Dr. Mahathir sahaja dalam majlis-majlis ceramah. Meski tahu juga isi perut yang tersembunyi dalam batang tubuh kawan sebelum bermimpi untuk berpaktat membentuk kerajaan akan datang.

*Komitmen BN pada Palestin tetap utuh.*





*Sokongan dari Ku Li menyebabkan Kit Siang terharu. Inilah peluang yang dinanti-nanti...*

Dalam perhimpunan besar di Panggung Negara, Singapura, 6 Jun 1965, wakil-wakil dari lima parti politik meneriak supaya semua kaum diberi layanan yang sama, semua bahasa diberi pengiktirafan yang serupa. Gambar di atas menunjukkan pemimpin-pemimpin yang mendokong konsep Malaysian Malaysia itu sedang menjingjing kain rentang yang menyokong konsep tersebut. Malangnya bahasa yang digunakan pada kain rentang itu ialah bahasa Cina. Itulah konsep Malaysian Malaysia yang menjadi dasar perjuangan DAP. Tak lama lagi itulah juga agaknya yang diperejuangkan oleh Semangat 46.



## DOSA PALING BESAR

**A**pakah sikap Tengku Li seandainya jawapan Lim Kit Siang seperti berikut: "Tengku,... kami dalam DAP mengambil sikap berkecuali." Ertinya DAP tidak menyokong Israel dan tidak juga menyokong Palestin.

Apakah bangsa Melayu sudah sanggup untuk menerima baik jawapan yang demikian? Kepada bangsa Melayu, jawapan kepada soal Palestin ini adalah *straight forward*: "Saya sokong Palestin" atau "Saya sokong Israel". Kepada orang-orang Melayu berkecuali dalam sengketa Israel dan Palestin samalah juga dengan berkata: "Yes, I am pro-Israel". Apakah Tengku Li dan Semangat 46 akan bersikap 'berkecuali' juga bila menjadi parti yang memerintah kelak?

Kalaualah Semangat 46 sudah sanggup untuk mengi-

kut dasar 'berkecuali' dalam soal Palestin ini, tidak ada 'dosa' yang lebih besar kepada umat Melayu semenjak zaman Hang Tuah daripada dosa membelakangkan kepentingan Palestin untuk merebut semula negaranya yang sudah dirampas oleh Israel itu. Ertinya, Semangat 46 akan melakukan dosa yang amat besar yang tidak akan dimaafkan dan diampunkan lagi oleh seluruh orang Melayu, baik yang hidup pada hari ini, atau yang sudah mati, ataupun yang akan lahir di kemudian hari.

Lebih baiklah Tengku Li bertanya dulu kepada Kit Siang: "*What is your stand on the issue of Palestine?*"

Seandainya rakan-rakan DAP seperti Shimon Perez dan Parti Buruhnya berkuasa di Israel dan seandainya DAP pula berkuasa di Malaysia, apakah Lim Kit Siang tergamak merumuskan satu dasar luar negeri yang anti-Israel? DAP perlu menjawab soalan yang maha penting ini.

Sebagai anggota dalam *Socialist International*, ahli-ahli DAP dan ahli-ahli Parti Buruh Israel adalah 'comrades'. Comrade ertinya rakan seperjuangan. Ada juga ahli-ahli tafsir dalam ilmu politik menyifatkan istilah 'comrade' sebagai bererti 'rakan seperjuangan yang sanggup sehidup semati'.

Bolehkah Lim Kit Siang meneruskan dasar Barisan Nasional sekarang yang pro-Palestin dan anti-Israel?

Bolehkah Lim Kit Siang bersikap pro-Palestin dan anti-Israel sedangkan Shimon Perez dipanggilnya dan dianggapnya 'saudara seperjuangan'?

Begitulah yang akan terjadi pada Malaysia kelak kalaular negeri ini jatuh ke tangan DAP. Parti itu tidak akan meneruskan dasar luar yang sama dalam isu Palestin. Maka orang-orang Melayu bertukar sikap daripada pro-Palestin kepada pro-Israel?

DAP benar-benar mahu menjadi parti yang memerintah. Untuk itu ia memerlukan sebuah parti Melayu untuk membuat satu pakatan politik dalam menghadapi pilihanraya umum. Parti yang dicari sudah diperolehi. Parti itu tidak lain dari Semangat 46.

Lim Kit Siang tidak mengharapkan untuk menduduki kerusi Perdana Menteri Malaysia. Dia tahu sebagai seorang berketurunan Cina dan tidak beragama Islam, kemungkinan untuk menjadi PM Malaysia adalah sulit. Oleh itu, biarlah Tengku Li menjadi PM. Yang penting ialah kuasa mengarahkan perjalanan pemerintahan mestilah di tangan DAP. Selama Tengku Li sedia mengikut telunjuknya bila menjadi PM kelak, selama itulah DAP tidak akan mengganggu dia untuk terus menjadi PM. Pokoknya ikut apa yang dikehendaki oleh DAP.

*Pakatan yang boleh melumpuhkan ketuanan Melayu.*





*Rakyat Palestin terus dizalimi. Rakyat Malaysia tidak boleh lagi bersimpati kepada mereka jika bukan BN yang memegang teraju pemerintahan negara.*

# **MENOLONG DAP, BERERTI MEMUSUHI PALESTIN**

**J**ika yang dikehendaki oleh DAP dalam soal Palestin ini ialah satu dasar luar yang pro-Israel, Tengku Li tidak akan mempunyai pilihan lain melainkan kena ikut juga-lah arahan dan kemahuan itu. Kalau tidak ikut apa halnya nanti jika DAP menarik balik sokongannya. Apalagi kalau bilangan kerusi dalam Dewan Rakyat, lebih banyak kerusi DAP daripada kerusi Semangat 46. Tengku Li akan menjadi kerbau kena cucuk hidung layaknya. Ikut sahaja apa yang 'Tuan' suruh.

Nyatalah dalam sebuah Kerajaan campuran DAP-Semangat 46, yang sebenarnya menjadi 'Tuan' ialah DAP, bukannya Semangat 46.

Jika DAP pro-Israel, Semangat 46 juga akan pro-Israel. Jika DAP menggugurkan sokongan kepada Palestin, akan gugurlah juga sokongan Semangat 46 kepada perjuangan Palestin. Apakah orang-orang Melayu suka akan berlaku kejadian ini?

Semangatnya akan berlaku selama Semangat 46 mempunyai pakatan Politik dengan DAP. Tidak ada pilihan lagi bagi bangsa Melayu yang mencintai perjuangan bangsanya, perjuangan menyokong Palestin. Memberikan sokongan kepada Semangat 46 bererti memberikan sokongan kepada DAP. Menolong DAP menjadi parti yang memerintah bererti membantu pihak-pihak yang menjadi sahabat Israel.

Pengundi-pengundi Melayu mempunyai dua pilihan dalam pilhanraya ini. Menyokong pihak yang pro-Palestin atau pihak yang pro-Israel.

Jika mahu terus menyokong Palestin, pengundi-pengundi Melayu mestilah menyokong Barisan Nasional. **Mengundi Semangat 46 adalah mengundi DAP.** Membolehkan Semangat 46 dan DAP berkuasa bererti akan terhapuslah perjuangan menyokong Palestin.

Apakah orang-orang Melayu sudah bersedia membenarkan wujudnya Kedutaan Israel di Kuala Lumpur seperti juga adanya kedutaan yang demikian di negara jiran kita?

**Mengundi Semangat 46 boleh membawa kepada berlakunya hakikat itu.**

Bangsa Melayu dan Bangsa Palestin tidak boleh dipisahkan lagi. Kita datang daripada rumpun manusia yang seugama. Sama-sama mahu menegakkan Islam di alam maya ini. Mencubit paha orang Palestin, ikut dirasakan sakitnya juga di paha kita. Setiap kali kanak-kanak Palestin ditembak oleh askar Israel di bumi Palestin, setiap kali kita merasakan seolah-olah anak-anak Melayu juga turut ditembak oleh tentera Israel. Bolehkah kita menerima Israel? Mahukah kita bersahabat dengan Israel?

Apa sudah jadi dengan Masjid Al-Aqsa di Baitul Muqaddis (Jerusalem)? Masjid yang menjadi kemegahan umat Islam seluruh dunia ditawan oleh Israel. Apa kata Tengku Li dan Semangat 46 terhadap hakikat ini? **Bolehkah Tengku Li memaafkan Israel?**

Tengku Li tidak boleh mendakwa Semangat 46 menyokong Palestin dan menentang Israel selagi parti DAP yang ia sudah bersepakat belum menjelaskan lagi dasarnya terhadap Palestin dan Israel. Apa yang kita tahu pemimpin-pemimpin Israel dari Parti Buruh dan pemimpin-pemimpin DAP saling panggil memanggil satu sama lain 'comrade' atau 'saudara seperjuangan'.

Shimon Perez dianggap sebagai 'saudara seperjuangan', apakah Tengku Li juga tidak akan menerima pemimpin Yahudi itu sebagai 'saudara seperjuangan'? Bukankah saudara seperjuangan bagi DAP akan menjadi saudara seperjuangan juga kepada Semangat 46?



*Pemimpin-pemimpin APU di Muktamar Agung PAS. Cakap tak serupa bikin. Datuk Haji Suhaimi dan Datuk Zainal Abidin Zain sedang menghayati ucapan pemimpin PAS - tokoh-tokoh yang mereka kecam hebat semasa berada dalam UMNO dulu.*

# **MAHU ISRAEL ATAU PALESTIN**

**S**oal Israel dan Palestin ini tidak boleh dipandang kecil atau dipandang ringan oleh pengundi-pengundi Melayu. Sedarlah cepat sebelum terlewat. Tidak ada gunanya menyesal di kemudian hari apabila DAP dan Semangat 46 sudah menjadi Kerajaan.

Selagi Semangat 46 berbaik-baik dengan DAP, mengadakan pakatan pilihanraya dengan DAP, selama itulah bahaya tentang Israel tidak akan luput dari sisi kita.

Sebaliknya Semangat 46 tidak cukup dengan hanya menyeret dirinya sahaja ke dalam kancang bahaya itu. PAS muhu diseret juga oleh Tengku Li ke dalam kawah DAP

yang sudah temganga itu. Kalauolah PAS juga terikut mengadakan pakatan dengan Semangat 46 bermakna PAS juga sudah termasuk ke dalam jerat yang akan membawanya kepada bersubahat dengan parti yang pro-Israel bila berkuasa kelak.

Kalau DAP berjaya menukarkan Tengku Li menjadi 'comrade Razaleigh', tidak mustahil juga Tengku Li untuk berjaya menukarkan rakan-rakan seperjuangannya dalam PAS seperti Haji Fadzil Nor menjadi 'Comrade Fadzil Nor'?

Bila Semangat 46 sudah benar-benar 'bernikah' dengan DAP, akan ramailah orang-orang Melayu yang bergelar 'comrade'. Lahirlah ke alam nyata Comrade Razaleigh, Comrade Rais Yatim, Comrade Haji Suhaimi, Comrade Rahmah Othman, Comrade Marina Yusof, Comrade Rozali Ishak dan *comrade-comrade* lain.

Bila PAS sudah diajak sama untuk menyertai 'geng' yang dipelopori oleh DAP itu, akan lahirlah *comrade-comrade* yang pakai kupiah putih seperti Comrade Fadzil Nor, Comrade Abdul Hadi Awang, Comrade Subky dan lain-lain.

Kalau tersurat orang-orang PAS menjadi 'comrade' kelak maka tercatatlah dalam sejarah politik dunia untuk pertama kali, ada *comrade-comrade* yang berkopiah putih. Dalam *socialist International*, semua *comrade* tak pakai songkok apalagi kopiah putih. Akan hilanglah segala impian mahu mendirikan sebuah negara Islam ala-PAS jika orang-orang PAS sudah bergelar 'comrade'.

Ke mana lagi roket kalau tidak ke bulan?

Macam sudah berpakan. DAP sudah mencipta roket sebelum PAS mencipta bulannya. Kalau sudah jodoh semangnya seperti sudah dirancang layaknya.

Apa pula hubungan 46 dengan DAP? Dari aspek mana pula sudah tersurat persamaannya? Kepada kedua-dua parti itu nombor bertuahnya ialah nombor 4 dan nombor 6. DAP dilahirkan dengan nama asalnya PAP Malaysia di sebuah rumah kedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada tahun 64 (ada nombor 6 dan ada nombor 4). Semangat Malaysian Malaysia lahir bersama-sama DAP. Ini bererti Tengku Li dengan Semangat 46-nya dan Lim Kit Siang dengan Semangat 64-nya. Semasa pilihanraya kecil Ampang Jaya, saya masih ingat Datuk Harun Idris menyebut kedua-dua angka itu amat bertuah kepadanya. Oleh kerana pilihanraya umum akan datang hanya melibatkan nombor-nombor lain, sukar juga untuk mengatakan bahawa Semangat 46 atau DAP ataupun PAS boleh menangguk sebarang tuah.

Sebenarnya, bukan DAP atau Semangat 46 atau PAS sahaja yang tidak suka Dr. Mahathir, tidak suka UMNO dan tidak suka Barisan Nasional. Israel juga sama-sama tidak suka.

Kalau ada sebuah negara luar yang mahu campur tangan dalam politik Malaysia, negara itu tidak lain dari Israel. Kalau ada negara luar yang berminat pada mempe-

ngaruhi keputusan pilihanraya umum yang akan datang, negara itu juga Israel. Dalam menghadapi kempen-kempen menuju kepada pilihanraya, Israel tentunya sudah bergerak menyemaikan agen-agennya.

Inilah yang harus diingat oleh pengundi-pengundi Melayu. Kemenangan parti lain dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil bererti satu kemenangan juga kepada Israel.

Isu di depan para pengundi sekarang ialah: **Mahu Israel atau mahu Palestin?**

Hanya UMNO dan Barisan Nasional sahaja boleh menjamin satu dasar yang menyokong perjuangan Palestin. Orang-orang Melayu tidak ada pilihan lain.

*Siapa menang, Ku Li atau Kit Siang. Yang rugi, Tanah Melayu, orang-orang Melayu dan Islam.*

**BERSATU KE DALAM PER**

N  
1991

IMPIN - PEMIMPIN  
D.A.P.

22-1-89



*Siapa tunggangi siapa. Rambut sama hitam lain-lain.*

